

MAHATHIR - KAPAL R.R.R.

(1)

1982  
KUALA LUMPUR, 28 NOV. (BERNAMA) -- SYARIKAT PERKAPALAN TERBARU MALAYSIA, SYARIKAT PERKAPALAN PERBADANAN NASIONAL (PNSL), AKAN MENGENDALIKAN PERKHIDMATAN PENUMPANG-FERI BAGI MENGHUBUNGI KESEMUA BAHAGIAN NEGARA INI.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA PNSL TELAH DIAMANAHKAN TUGAS INI BAGI MEMUDAHKAN PERHUBUNGAN LEBIH BAIK DALAM MALAYSIA DAN DENGAN ITU MEMPERCEPATKAN PROSES PENYATUAN NASIONAL.

INI AKAN MERUPAKAN SEBAHAGIAN DARIPADA PERANAN PENTING DALAM PROGRAM MENYELURUH UNTUK MEMAJUKAN MALAYSIA SEBAGAI SEBUAH NEGARA KELAUTAN UTAMA; TAMBAHNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA DEMIKIAN DALAM PERUTUSANNYA SEMPENA MAJLIS PENAMAAN DAN PENYERAHAN KAPAL PERTAMA PNSL, "PERNAS ARANG," DI JEPUN SELASA INI, SERENTAK DENGAN PELANCARAN RASMI SYARIKAT ITU DI SINI.

PADA TAHUN-TAHUN AKAN DATANG INI PNSL AKAN JUGA TERLIBAT DENGAN PENGHANTARA PUKAL BAGI INDUSTRI PETROLEUM DAN YANG BERKAITAN DENGAN PETROLEUM, PENGANGKUTAN MINYAK KELAPA SAWIT, BERBAGAI-BAGAI KIMIA, SIMEN, BESI DAN LAIN-LAIN BIJIH, ARANG DAN KELULI. -- LAGI 1720/MB

MAHATHIR - KAPAL 2 KUALA LUMPUR

KATANYA MUNGKIN ADA LAIN-LAIN PERKHIDMATAN YANG SEDANG DIRANCANGKAN LEBIH-LEBIH LAGI DENGAN HARAPAN SUPAYA IA BERADA DALAM KEDUDUKAN YANG BAIK BILA EKONOMI DUNIA PULIH.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN GEMBIRA DENGAN KEMAJUAN YANG DICAPAI OLEH PNSL DAN INGIN MELIHAT IA MENJADI SEBUAH BADAN YANG BERKESAN.

"PANTASNYA PNSL MENJALANKAN TUGAS-TUGASNYA SANGAT MEMBANGGAKAN DAN TELAH MENIMBULKAN KESAN DAN MENINGGIKAN MINAT DI KALANGAN MASYARAKAT PERKAPALAN," KATANYA.

BELIAU MENASIHATKAN SYARIKAT PERKAPALAN ITU SUPAYA MENJAMIN MUTU DISIPLIN YANG TINGGI DI KALANGAN KAKITANGAN DAN DAYA PENGELUARAN KERANA INILAH SATU-SATU CARANYA SYARIKAT ITU DAPAT TERUS BERBAING DALAM INDUSTRI PERKAPALAN.

USAHA BEUMPAMA ITU AKAN DAPAT MEMBANTU MALAYSIA MELUASKAN-PERDAGANGAN MALAYSIA DAN MENGURANGKAN ALIRAN KELUAR PERTUKARAN ASING, TEGASNYA. -- LAGI 1725/MB  
NNNN

ZCZC 0622

MAHATHIR - KAPAL 3 KUALA LUMPUR

ISTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR, DATIN SERI DR. SITI HASMAH AKAN MENAMAKAN KAPAL PNSL ITU YANG MERUPAKAN SEBUAH KAPAL PENGANGKUT PUKAL SEBERAT 64,000 METRIK TAN DI LIMBUNGAN KAPAL NIPPON KOKAN TSU DEKAT NAGOYA.

PNSL, SEBUAH ANAK SYARIKAT MILIK PERBADANAN NASIONAL BERHAD (PERNAS), BARU-BARU INI BERJAYA MENDAPATKAN PINJAMAN SEBANYAK RM20 JUTA (M\$48 JUTA) DARI SATU KONSORTIUM LIMA BANK UNTUK MEMBELI KAPAL TERSEBUT.

BANK-BANK ITU IALAH BANK BUMIPUTERA MALAYSIA BERHAD, UNITED MALAYAN BANKING CORPORATION, MITSUBISHI TRUST AND BANKING CORPORATION, THE NATIONAL BANK OF AUSTRALIA (CAWANGAN SINGAPURA) DAN TOKAI BANK.

SEMENTARA ITU, PENGURUS BESAR PNSL KAPTEN AHMAD SUFIAN MEMBERITAHU BERNAMA SYARIKAT DIPERBADANKAN PADA 29 MAC DENGAN MODAL YANG DIBENARKAN SEBANYAK \$100 JUTA YANG MANA \$10 JUTA TELAH DIBAYAR.  
-- BERNAMA 1730/MB